

21/09/1999

PM setuju jadi penaung projek bomba

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju menjadi penaung Projek Latihan Menyelamat-Kuala Lumpur '99, iaitu satu lagi usaha rakyat Malaysia untuk mencatat rekod dunia dengan menyusur menggunakan tali terpanjang.

Perdana Menteri menyatakan persetujuan itu ketika ditemui Pengarah Pemasaran projek berkenaan, Tengku Norizah Zainal Karib Shah, selepas perasmian Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) di Bukit Kiara, semalam.

Pengurus projek berkenaan, Mustazza Ishak, berkata dengan sokongan Perdana Menteri itu, pihaknya yakin latihan menyusur menggunakan tali dari Menara Berkembar Petronas (KLCC) melalui Menara Kuala Lumpur ke Dataran Merdeka yang dijangka pada 31 Disember ini, akan dapat diteruskan seperti perancangan awal.

Ketika ini, katanya, pihaknya cuba meyakinkan pihak pengurusan KLCC yang masih belum membuat sebarang keputusan untuk membenarkan latihan berkenaan diadakan di bangunan itu.

"Pihak pengurusan KLCC bukannya tidak mahu memberi kebenaran tetapi masih keliru dan inginkan penerangan daripada sekretariat mengenai projek latihan itu.

"Kami bersama perunding projek dari Amerika Syarikat, John E Weniell, akan memberi penerangan kepada pihak pengurusan KLCC, esok," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kebenaran yang belum diterima daripada pihak pengurusan KLCC untuk mengadakan latihan itu yang dianjurkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JBPWPKL) dengan kerjasama Assign Systems Sdn Bhd.

Bagaimanapun, pihak pengurusan bangunan lain sudah memberikan persetujuan kecuali KLCC.

Mustazza berkata, pihaknya mempunyai keyakinan lebih 80 peratus bahawa pihak pengurusan KLCC akan bersetuju dengan cadangan projek latihan itu.

Menurutnya, pihaknya berharap sesi penerangan itu akan berjaya menjelaskan sebarang kekeliruan di pihak pengurusan KLCC.

Mengenai pilihan lain sekiranya pihak pengurusan KLCC enggan membenarkan latihan berkenaan diadakan di bangunannya, beliau berkata, pihaknya mempunyai pilihan lain untuk meneruskan latihan.

"Kami mungkin boleh membuat jarak lebih jauh lagi jika penyusuran menggunakan tali itu dilakukan dari Menara Kuala Lumpur melalui Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan mendarat di Tugu Peringatan Negara.

"Bagaimanapun, kami yakin perancangan awal yang disusun sebelum ini akan berjalan lancar," katanya.

(END)